

# Hua Yang rancang teroka pasaran harta tanah Sabah

**H**UA Yang Bhd merancang meneroka pasaran harta tanah Sabah dalam tempoh dua tahun ini dengan memilih Kota Kinabalu sebagai lokasi pertamanya.

Ketua Eksekutifnya, Ho Wen Yan, berkata Hua Yang meninjau pelbagai harta tanah baru dan berpotensi untuk pengembangan operasinya, dan Kota Kinabalu menjadi antara pilihan utama kerana pasarannya mampu menyumbang kepada pertumbuhan syarikat itu.

"Kami mengenal pasti Kota Kinabalu sebagai bandar raya yang pesat membangun dengan pertumbuhan ekonomi kukuh di Sabah dan Sarawak, hasil daripada pelancongan, perladangan, perkayuan serta minyak dan gas.

"Memang kami ada berbincang dengan beberapa pihak dari Kota Kinabalu, dan menjangka memperoleh sekurang-kurangnya satu projek di sana dalam masa satu atau dua tahun

ini," katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau berkata, sebagai permulaan syarikat itu merancang membeli antara 40 hingga 120 hektar tanah di kawasan pinggir bandar Kota Kinabalu.

"Kami akan bermula dengan projek kecil untuk menguji pasaran, iaitu membabitkan pembangunan kediaman mampu milik dan pembangunan bandar baru.

"Segmen mampu milik sentiasa berdaya tahan. Permintaan rumah berharga sekitar RM90,000 hingga RM400,000 ketika ini sangat kukuh dan kami menjangka ia kekal bagi tempoh dua tahun akan datang," katanya.

## FAKTA NOMBOR

**120  
hektar**

Tanah dirancang dibeli Hua Yang Bhd di kawasan pinggir bandar Kota Kinabalu



**HUAYANG**

Berita Harian 28 Feb 2011